

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NASIONAL

*Penularan coronavirus*

# Lelaki dijangkiti pernah mesyuarat di Singapura

Rakyat Malaysia pertama positif jangkitan virus disah stabil

Oleh Luqman Arif Abdul Karim  
luqman.arif@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Seorang lelaki berusia 41 tahun menjadi rakyat Malaysia pertama disahkan positif jangkitan coronavirus (2019-nCoV).

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, berkata lelaki dari Selangor itu mempunyai sejarah perjalanan ke Singapura dari 16 hingga 22 Januari lalu bagi menghadiri mesyuarat bersama delegasi antarabangsa termasuk China.

"Beliau kemudian pulang ke Malaysia pada 23 Januari sebelum mendapatkan rawatan di pusat perubatan swasta di Selangor enam hari selepas itu kerana demam dan batuk. Jadi,

ini adalah kes pertama jangkitan coronavirus membabitkan rakyat kita," katanya.

Katanya, lelaki berkenaan dirujuk ke Hospital Sungai Buloh pada 2 Februari dan dimasukkan ke wad pengasingan sebelum disahkan positif coronavirus kемarin, namun kini stabil.

"Kementerian berhubung dengan negara jiran dan mereka mengesahkan aktiviti pengesanan kontak dimulakan," katanya sambil menambah, pengesanan kontak terhadap ahli keluarga lelaki juga dibuat dan mereka berada dalam keadaan stabil di wad pengasingan," katanya.

Semua kes positif sebelum ini membabitkan warganegara China, masing-masing tiga kes disyaki (PUT) dan lima individu dalam kalangan kontak rapat.

Jumlah terkumpul kes PUT bagi coronavirus pula adalah 192 orang, iaitu 105 rakyat tempatan, 82 warga China dan masing-masing satu warga Australia, Korea, Jordan, Brazil serta Thailand. Tiga daripada PUT disahkan positif coronavirus, 173 kes negatif dan 16 menunggu keputusan makmal.

"Beliau mula mengalami de-

mam ringan pada 23 Januari dan mendapatkan rawatan pesakit luar di sebuah hospital swasta di Kuala Lumpur. Kes dimaklumkan kepada kementerian dan pesakit diletakkan di bawah perintah pengawasan dan pemantauan untuk tempoh 14 hari.

"Pada 2 Februari, demam masih berterusan dan beliau dimasukkan ke Hospital Kuala Lumpur (HKL) untuk rawatan lanjut. Ujian makmal semalam (kelmarin) mendapat pesakit positif coronavirus, namun kini berada dalam keadaan stabil di wad pengasingan," katanya.

Semua kes positif sebelum ini membabitkan warganegara China, masing-masing tiga kes disyaki (PUT) dan lima individu dalam kalangan kontak rapat.

Jumlah terkumpul kes PUT bagi coronavirus pula adalah 192 orang, iaitu 105 rakyat tempatan, 82 warga China dan masing-masing satu warga Australia, Korea, Jordan, Brazil serta Thailand. Tiga daripada PUT disahkan positif coronavirus, 173 kes negatif dan 16 menunggu keputusan makmal.

## Budak warga China kes pertama pulih di Malaysia

**Kuala Lumpur:** Seorang kanak-kanak perempuan warga China di Langkawi yang sebelum ini positif coronavirus (2019-nCoV), didapati pulih dan bebas sepenuhnya daripada jangkitan.

Ia adalah kes pertama membabitkan individu disahkan positif coronavirus yang pulih daripada jangkitan itu di Malaysia.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata sampel klinikal terhadap kanak-kanak berusia empat tahun itu yang dirawat di wad isolasi Hospital Sultanah Melaka, kini didapati negatif daripada 2019-nCoV.

Jelasnya, sampel klinikal diambil sebanyak dua kali berturut-turut sejak kanak-kanak itu dikesan positif coronavirus pada 29 Januari lalu, sebelum disahkan negatif.

Sehubungan itu, katanya, kanak-kanak itu yang kini sihat, sudah dibenarkan pulang.

"Kes ini menunjukkan bahawa jangkitan 2019-nCoV boleh dirawat dan pesakit boleh kembali sembah sepenuhnya,"

"Tanggapan ramai bahawa penyakit ini pastinya membawa maut kepada mereka yang menghidapnya adalah tidak tepat."

"KKM ingin mengucapkan tahniah kepada Hospital Sultanah Melaka Langkawi yang telah memberikan rawatan dan pemantauan yang rapi sehingga kanak-kanak ini sihat semula dan dibenarkan pulang," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Pada 29 Januari lalu, Dr Noor Hisham memahulkan mengenai kes positif kanak-kanak itu, selain dua lagi individu yang turut dikesan positif pada hari sama.

**Kes ini menunjukkan bahawa jangkitan 2019-nCoV boleh dirawat dan pesakit boleh kembali sembah sepenuhnya,**

**Dr Noor Hisham Abdullah,  
Ketua Pengarah Kesihatan**

## Jangan buat pembelian panik topeng muka

**Kuala Lumpur:** Orang ramai dinasihatkan tidak melakukan pembelian panik dengan mendapatkan topeng muka dalam jumlah besar kerana ia akan menimbulkan keresahan.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, berkata kerajaan akan memastikan bekalan topeng muka mencukupi berikutnya permintaan yang sangat tinggi susulan penularan coronavirus (2019-nCoV) pada masa ini.

"Itu (pembelian panik) akan menimbulkan keresahan tinggi. Sementara kerajaan berusaha supaya pihak bertanggungjawab memastikan bekalan mencukupi, saya juga memohon kerjasama rakyat, tidak melakukan pembelian panik, pembelian dalam jumlah yang besar secara tiba-tiba," katanya.

Beliau berkata demikian kepada media selepas merasmikan Mesyuarat 20 Negara Serantau Pejabat Harta Intelek Berkaitan Sistem Madrid, di sini semalam.

## 147 warga China dihalang masuk negara

**Johor Bahru:** Seramai 147 warga China dari Wuhan dan Hubei dihalang memasuki Malaysia dalam tempoh 27 Januari lalu sehingga kelmarin.

Menyertai Dalam Negeri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata dia dibuat sebagai langkah berjaga-jaga bagi mengelakkan penularan coronavirus di negara ini.

"Mereka termasuk 65 warga China bekerja dalam industri perkapalan di Pelabuhan Klang, 30 lagi adalah warga China dari wilayah terjejas yang mahu masuk negara ini dari Kompleks Sultan Abu Bakar (KSAB) Gelang Patah. Mereka juga tidak dibenarkan masuk," katanya.

Beliau bercakap pada sidang media selepas melawat Kompleks Imigresen, Kastam dan Kuaran-tin (CIQ) Bangunan Sultan Is-kandar (BSI), di sini semalam.

Katanya, Malaysia bagaimanapun tidak menyekat kemasukan warga China dari bandar dan wilayah lain setakat ini.

"Ada pihak mempersoalkan mengapa Malaysia tidak menyekat 100 peratus kemasukan warga China berikutnya Pertubuhan Kesehatan Sedunia (WHO) mengisyaratkan coronavirus sebagai darurat kesihatan awam global.



**Muhyiddin mendengar penerangan ketika melawat Kompleks CIQ Bangunan Sultan Is-kandar, Johor Bahru, semalam.**

"WHO tidak meminta kemasukan warga China disekat sepenuhnya, jangan salah faham. Tindakan kementerian berpadu keputusan sekatan dinasihatkan Kementerian Kesihatan. Jika Kementerian Kesihatan kata tidak perlu sekatan, kita tidak akan buat," katanya. Muhyiddin memberi jaminan,

kementeriannya bersiap siaga mengenakan sekatan mengikut Akta Imigresen jika Kementerian Kesihatan membuat keputusan ia perlu dilakukan.

Beliau turut mencadangkan supaya alat pengimbas suhu badan di CIQ BSI ditambah berdasarkan aliran kemasukan pelancong yang tinggi ke negara

ini menerusi pintu masuk itu yang mencecah hampir 70 peratus.

Ditanya sama ada Festival Perarakan Chingay 2020 dijadual diadakan pada 14 Februari di bandar raya ini perlu dibatalkan kerana penularan coronavirus, Muhyiddin berkata, tiada sekatan ke atas festival berkenaan.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 9

RUANGAN : NASIONAL

# Kematian akibat penyakit jantung terus meningkat

Kes catat pertambahan hampir 100 peratus sejak 2010

Oleh Adnan Ibrahim  
bhnews@bh.com.my

**Batu Pahat:** Bilangan kematian akibat penyakit jantung koronari meningkat hampir 100 peratus kepada 18,267 kes pada tahun lalu berbanding 9,371 kes pada 2010.

Rekod Kementerian Kesihatan turut menganggarkan 45,684 daripada 32.4 juta rakyat negara ini menderita penyakit jantung ko-

ronari hingga kini.

Justeru, Timbalan Menteri Kesihatan, Dr Lee Boon Chye, berkata penyakit berkaitan jantung adalah fenomena yang amat membingungkan di negara ini.

Katanya, rakyat negara ini turut direkodkan mengidap penya-

**Rakyat negara ini turut direkodkan menghidap penyakit kardiovaskular pada usia jauh lebih muda berbanding negara lain.**

**Dr Lee Boon Chye,**  
Timbalan Menteri Kesihatan

kit kardiovaskular pada usia jauh lebih muda berbanding negara lain dengan purata pada usia 58 tahun manakala di Thailand (68 tahun); Singapura (61 tahun); China (63 tahun) dan Amerika Syarikat (66 tahun).

"Oleh itu, pembinaan Makmal Katerisasi atau lebih dikenali sebagai Cath Lab di Hospital Pantai di Batu Pahat adalah satu tindakan tepat bagi membolehkan pengesanan dan rawatan awal boleh dilakukan penduduk di kawasan sekitar.

"Penyakit tidak berjangkit seperti diabetes, darah tinggi, obesiti dan hipercolesterolemia tanpa kawalan serta gaya hidup tidak sinat ialah penyumbang utama berlaku peningkatan penyakit kardiovaskular," katanya ketika berucap merasmikan Makmal Ka-



**Dr Boon Chye (kanan)** melihat kemudahan bilik kawalan rawatan di Pusat Jantung Hospital Pantai, Batu Pahat, semalam.

(Foto BERNAMA)

terisasi Baharu di Hospital Pantai di sini, semalam.

Yang turut hadir, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bandar Penggaram, Gang Peck Cheng dan Ketua Pegawai Operasi Hospital Pantai Batu Pahat, Dr Kamal Amzan.

Sementara itu, Dr Kamal berkata, Makmal Katerisasi di hos-

pital itu yang sudah beroperasi sejak lapan bulan lalu mengendalikan antara tiga hingga empat kes sehari.

"Makmal berkenaan adalah yang pertama di utara Johor dan diharapkan mampu menyediakan rawatan perubatan lebih komprehensif dan segera kepada pesakit," katanya.

**AKHBAR : BERITA HARIAN**  
**MUKA SURAT : 16**  
**RUANGAN : NASIONAL**

Hari Kanser Sedunia

# Pesakit percaya bomoh punca kes meningkat

Kos untuk sembah lebih tinggi jika lewat mendapatkan rawatan

Oleh Luqman Arif Abdul Karim  
luqman.arif@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kecenderungan mempertaruhkan nyawa dengan perubatan alternatif, termasuk perkhidmatan bomoh dan rawatan rohani dikenal pasti antara punca peningkatan kes kanser di negara ini.

Pendedahan menerusi Laporan Pendaftaran Kanser Kebangsaan Malaysia 2012-2016 itu menyaksikan ia menjadi punca 60 peratus daripada individu yang disahkan mengalami kanser dikesan pada peringkat terlalu lewat, iaitu tahap tiga dan empat.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, menjelaskan

kan segelintir masyarakat di Malaysia lebih menaruh kepercayaan dengan menjadikan rawatan alternatif sebagai kaedah penyelesaian pertama apabila berdepan risiko kanser.

Bellau berkata, 'mangsa keadaan' ini kemudian akan bergegas untuk mendapatkan rawatan menerusi kaedah perubatan moden, iaitu di hospital atau institut kanser selepas mendapat pendekatan alternatif gagal merungkai penyakit yang dihadapi.

"Kos untuk sembah daripada kanser adalah lebih tinggi sekitarannya penyakit ini dikesan dan dirawat pada tahap yang sudah lewat," katanya pada ucapan tama perasmian Hari Kanser Sedunia 2020, di balai ketibaan KL Sentral, di sini, semalam.

Pada sidang media, Dr Dzulkefly menyifatkan cabaran menangani kepercayaan perubatan alternatif bukan isu baharu, sebaliknya ia menjadi kekangan utama dalam usaha mengurangkan penularan kanser.

Sehubungan itu, katanya, isu berkenaan wajar dirungkai seca-

ra menyeluruh, membabitkan pendekatan kompen yang dijayaikan masyarakat, agensi berkaitan, kerajaan dan pihak swasta.

"Ini tidak seharusnya diletakkan pada bahu Kementerian Kesihatan, tetapi digemblieng semua kerana sekiranya pesakit kanser datang ke hospital lebih awal, perluang mereka sembah daripada penyakit itu lebih cerah."

"Jadi, kita perlukan kerjasama semua pihak untuk mengendalikan pencerahan supaya mereka mendapat maklumat betul," katanya.

Ditanya usaha kerajaan meningkatkan jumlah onkologi di Malaysia, Dr Dzulkefly menjelaskan 52 pelapis bidang kepakaran itu 'dilahirkan' saban tahun, menerusi dua program pengajian yang sedang dilaksanakan.

Bagaimanapun, kerajaan menyasarkan kadar itu berupaya ditingkatkan kepada seorang onkologi kepada 100,000 penduduk, sekaligus gus memnacu perkhidmatan merawat kanser di premis kesihatan awam dan swasta.

"Ini adalah usaha berterusan



Keratan akbar BH 23 Disember 2019.

**Segelintir masyarakat lebih menaruh kepercayaan rawatan alternatif sebagai kaedah penyelesaian pertama apabila berdepan risiko kanser.**

Dr Dzulkefly Ahmad,  
Menteri Kesihatan

dan kita akan terus merangka pendekatan berkaitan supaya lebih ramai onkologi dilahirkan," katanya.

Berdasarkan perangkaan semasa, Malaysia mempunyai 115 onkologi, iaitu masing-masing 68 orang di sektor perkhidmatan perubatan swasta, Kementerian Kesihatan (33 orang) dan universiti (14 orang).

Mengulas pendekatan terbaik untuk menggalakkan gaya hidup sihat, Dr Dzulkefly berkata, kerajaan meneliti semua mekanisme, termasuk sistem 'insentif dan pencegahan' membabitkan dasar berkaitan yang dilaksanakan di negara maju seperti Jepun.

**AKHBAR : HARIAN METRO**  
**MUKA SURAT : 3**  
**RUANGAN : LOKAL**

## Rakyat kita sah positif koronavirus

**Kuala Lumpur:** Seorang lelaki dari Selangor berusia 41 tahun menjadi rakyat Malaysia pertama disahkan positif wabak koronavirus baru.

Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata, lelaki terabit mempunyai sejarah perjalanan ke Singapura bagi menghadiri mesyuarat bersama delegasi antarabangsa termasuk China pada 16 hingga 22 Januari lalu.

"Lelaki itu pulang ke Malaysia pada 23 Januari sebelum mendapatkan rawatan di pusat perubatan swasta di Selangor kerana demam dan batuk 29 Januari lalu.

"Dia kemudian dirujuk ke Hospital Sungai Buloh (HSB) dan dimasukkan ke wad isolasi. Lelaki itu dilaporkan stabil," katanya.

Dzulkefly berkata, seorang lelaki warga China berusia 63 tahun berasal dari Wuhan turut didapati dijangkiti koronavirus

baru.

Katanya, lelaki itu tiba di negara ini melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur pada 18 Januari lalu dan lima hari selepas itu dia mengalami demam ringan.

"Dia mendapatkan rawatan pesakit luar di sebuah hospital swasta di Kuala Lumpur dan dirujuk kepada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) serta diletakkan di bawah pemantauan 14 hari.

"Lelaki itu mengalami demam berterusan dan dinasukkan ke Hospital Kuala Lumpur, kelmarin (Ahad lalu) sebelum disahkan positif koronavirus semalam (kelmarin)," katanya.

Berdasarkan perkembangan terkini itu, Kementerian Kesihatan merekodkan 10 kes positif koronavirus baru dikesan di Malaysia dalam tempoh lebih tiga minggu.

## 105 ditempatkan di AKEPT

**Kuala Lumpur:** Seramai 105 daripada 107 rakyat Malaysia dan pasangan serta anak yang dibawa pulang dari Wuhan, China ditempatkan di Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT), Bandar Enstek, Nilai, Negeri Sembilan.

Bagaimanapun dua orang lagi tidak melepas tapisan kesihatan dan diantar ke Hospital Kuala Lumpur (HKL).

Menurut Wisma Putra, 88 rakyat Malaysia dan 19

pasangan dan anak bukan warganegara melepas tapisan kesihatan yang dibuat oleh Kerajaan China sebelum dibenarkan menaiki pesawat.

"Walaupun sebelum ini dimaklumkan jumlah yang berdaftar dengan Kedutaan Malaysia di China untuk pulang adalah 141 orang, tetapi jumlah sebenar yang hadir untuk menaiki pesawat adalah 107 orang.

"Sebilangan rakyat Malaysia yang dijadualkan

dalam penerbangan ini (semalam) tidak dapat meninggalkan Wuhan atas masalah logistik.

"Antaranya, mereka berada di luar bandar dan kesukaran untuk mendapatkan kenderaan menuju ke Wuhan atau ke lapangan terbang," kata kenyataan itu.

Semua urusan di dalam pesawat dilakukan pasukan perubatan dan kesihatan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).



RUANG legar AKEPT yang menjadi tempat proses kuarantin selama 14 hari.

## 2 individu tak lepas tapisan kesihatan

**Sepang:** Misi membawa pulang rakyat Malaysia dari Wuhan, China yang dilanda wabak koronavirus baru berjaya apabila 132 individu tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) awal pagi semalam.

Pesawat AirAsia, yang dalam Misi Bantuan Kemanusiaan dan Bencana (HADR) yang digerakkan kerajaan Malaysia, membawa pulang 107 individu yang terkandas di wilayah Hubei, membabitkan 88 rakyat Malaysia dan 19 lagi pasangan serta anak mereka yang bukan warganegara.

Turut serta dalam penerbangan yang berlepas dari Lapangan Terbang Antarabangsa Wuhan Tianhe adalah enam pegawai Kedutaan Besar Malaysia di Beijing, lapan petugas misi dan 12 kru penerbangan.

Pesawat khas itu berlepas dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2 (Idiaz) pada jam 3.50 petang kelmarin bersama 12 kru dan lapan petugas misi HADR sebelum selamat tiba di tanah air pada jam 5.57 pagi.

Pesawat itu turut membawa 500,000 pasang sarung tangan getah sebagai sumbangan kepada kerajaan

China untuk membantu menangani penularan koronavirus di negara

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail berkata semua penumpang dibenarkan menaiki pesawat selepas melepas tapisan kesihatan oleh kerajaan China.

"Sebaik mendarat di KLIA, mereka dibawa menaiki bas ke Air Disaster Unit (ADU) untuk melalui tapisan kesihatan. Daripada 107 yang dibawa pulang dari Wuhan, dua individu tidak melepas tapisan kesihatan itu dan diantar ke Hospital Kuala Lumpur (HKL)," katanya semalam.

Pemindahan penumpang dan anak kapal dari pesawat itu ke ADU mengambil masa kira-kira dua jam dengan hanya satu bas sahaja milik Jabatan Bomba dan Penyelamat untuk tujuan itu sebagai langkah menghindari sebarang jangkitan virus itu.

Malahan pemandu bas berkenaan dilihat memakai peralatan perlindungan khas sebaik memulakan tugas memindahkan penumpang yang memakai

topeng hidung dan mulut menuju ke ADU.

Susulan prosedur pengimbang kesihatan yang dijalankan itu, dua bas Jabatan Bomba dan Penyelamat dilihat meninggalkan ADU dengan diriring polis kira-kira jam 9 pagi untuk menuju ke kemudahan pengawasan iaitu Pusat Rumah Pengawasan di mana kesemuanya mereka akan menjalani kuarantin selama 14 hari.

Dua lagi bas juga dilihat meninggalkan ADU untuk kemudahan pengawasan kemudian.

Dr Wan Azizah, yang juga Pengurus Agensi Pengurusan Bencana Negara, berkata, berkata jumlah awal yang berdaftar dengan Kedutaan Besar Malaysia di republik itu untuk kembali ke Malaysia adalah 141 individu tetapi 34 individu tidak hadir berikutkan masalah logistik.

"Menurut Wisma Putra, sebilangan rakyat Malaysia yang dijadualkan dalam penerbangan ini tidak dapat meninggalkan Wuhan atas masalah logistik. "Sebab

utama adalah mereka berada di luar bandar Wuhan dan kesukaran untuk mendapatkan kenderaan untuk menuju ke bandar Wuhan atau ke lapangan terbang," katanya.

Dr Wan Azizah berkata semua urusan di dalam pesawat dilakukan pasukan Perubatan dan Pasukan Kesihatan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia, manakala Pusat Pemantauan diselia petugas kesihatan kementerian itu.

Beliau menegaskan sepanjang tempoh intervensi 14 hari di pusat itu, perhubungan adalah terhad kepada petugas kesihatan sahaja dan tiada pihak luar termasuk ahli keluarga dibenar memasuki pusat itu.

"Justeru, ahli keluarga atau sahabat handai diminta memahami situasi ini dan hendaklah memberikan kerjasama sepenuhnya kepada pelaksanaan pemantauan ini," tegaskan.

Beliau berkata untuk tujuan keselamatan, lokasi pusat itu dikawal oleh polis dan saringan kesihatan akan dibuat dua kali sehari, bagi memastikan mereka ini benar-benar sihat dan boleh dibenarkan keluar setelah tamat proses pemantauan. - Bernama.

Pesawat turut membawa 500,000 pasang sarung tangan getah sebagai sumbangan

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 14

RUANGAN : LOKAL

## Usah bergantung khidmat bomoh rawat kanser

**Kuala Lumpur:** Kebergantungan kepada rawatan tradisional seperti bomoh dan rawatan rohani dikesan menjadi punca kepada ramai pesakit kanser lambat mendapatkan rawatan sehingga sukar dirawat dan menyebabkan kematian.

Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata, Laporan Pendaftaran Kanser Kebangsaan Malaysia 2012-2016 mendedahkan 60 peratus pesakit kanser di Malaysia dikesan pada tahap lewat iaitu tiga serta empat.

Beliau berkata, pengesanan awal dan rawatan segera meningkatkan peluang untuk mengubati kanser, malangnya pesakit kanser di negara ini lewat mendapatkan rawatan.

"Mengesan kanser pada peringkat akhir menyebabkan kos rawatan yang lebih tinggi dan mengurangkan peluang untuk sembuh. Sesetengah rakyat Malaysia

mempunyai kepercayaan yang kuat terhadap rawatan alternatif.

"Dalam banyak keadaan, pesakit ini mencari rawatan tradisional termasuk rawatan penyembuh rohani sebagai pilihan pertama mereka apabila didiagnosis oleh doktor.

"Hanya apabila modaliti itu gagal, baru mereka mendapatkan rawatan perubatan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas melancarkan Hari Kanser Sedunia 2020 di KL Sentral di sini, semalam.

Mengulas lanjut, Dzulkefly berkata, perkara itu bukan baharu sebaliknya pihaknya berdepan cabaran untuk mengubah kepercayaan rakyat terhadap rawatan yang tiada bukti keberkesaan dalam usaha mengurangkan pesakit kanser.

"Pelbagai kempen dan program dilaksanakan untuk tujuan itu," katanya.

**“  
60 peratus  
pesakit kanser  
dikesan pada  
tahap lewat iaitu  
tiga serta empat  
Dr Dzulkefly”**



AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 14

RUANGAN : LOKAL

## 45,684 hidap sakit jantung koronari

**Batu Pahat:** Seramai 45,684 orang daripada 32.4 juta rakyat negara ini menderita penyakit jantung koronari sehingga kini.

Lebih membimbangkan, bilangan kematian akibat penyakit berkenaan meningkat hampir 100 peratus iaitu 18,267 kes direkodkan tahun lalu berbanding 9,371 pada 2010.

Timbalan Menteri Kesihatan, Dr Lee Boon Chye berkata, berdasarkan statistik berkenaan penyakit berkaitan jantung adalah fenomena yang amat membimbangkan di negara ini.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT :

RUANGAN :

# RAKYAT MALAYSIA PERTAMA DIJANGKITI VIRUS



Lelaki berusia 41 tahun disahkan menjadi rakyat Malaysia pertama yang dijangkiti koronavirus.

Pesakit yang berasal dari Selangor itu mempunyai sejarah perjalanan ke Singapura dari 16 hingga 22 Januari lalu bagi menghadiri mesyuarat bersama delegasi antarabangsa termasuk dari China.

Lelaki berkenaan kemudian pulang ke Malaysia pada 23 Januari lalu, sebelum mendapatkan rawatan di pusat perubatan swasta di Selangor kira-kira enam hari kemudian kerana demam dan batuk.

“Ini adalah kes pertama jangkitan koronavirus membabitkan rakyat Malaysia.” - Kata Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad pada sidang media di Kuala Lumpur semalam.



Dr Dzulkefly (tengah) pada sidang media mengenai situasi terkini jangkitan 2019 Novel Koronavirus (2019-nCoV) di Kuala Lumpur semalam.

FOTO:BERNAMA

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : ANCAMAN KORONAVIRUS CHINA

# Kes pertama babitkan rakyat Malaysia

Lelaki berusia 41 tahun disahkan positif koronavirus

KUALA LUMPUR

**S**eorang lelaki berusia 41 tahun menjadi rakyat Malaysia pertama disahkan positif koronavirus.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata, rakyat Malaysia yang dijangkiti koronavirus itu mempunyai sejarah perjalanan ke Singapura untuk menghadiri mesyuarat pada 16 hingga 23 Januari lalu dan mula mendapatkan gejala jangkitan pada 29 Januari dan mendapatkan rawatan di sebuah hospital swasta.

Menurutnya, mangsa yang

bekerja di sebuah syarikat swasta itu satu-satunya rakyat Malaysia yang menghadiri mesyuarat berkenaan yang turut dihadiri beberapa delegasi antarabangsa termasuk dari China.

"Mangsa telah pulang ke Malaysia pada 23 Januari. Pada 29 Januari, dia telah mendapatkan rawatan di sebuah pusat perubatan swasta di Selangor kerana demam dan batuk. Selanjutnya mangsa telah dirujuk ke Hospital Sungai Buloh pada 2 Februari dan dimasukkan ke wad isolasi.

"Mangsa telah disahkan positif 2019-nCoV (koronavirus) pada 3 Februari 2020 dan kini berada dalam keadaan stabil.

Kementerian Kesihatan (KKM) telah berhubung dengan Kementerian Kesihatan negara jiran tersebut dan mereka mengesahkan bahawa aktiviti *contact tracing* telah dimulakan.



Dr Dzulkefly (kiri) pada sidang media khas perkembangan terhadir koronavirus di Kuala Lumpur semalam.

KKM sedang bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan negara jiran yang terlibat bagi mengenal pasti sumber jangkitan berlaku," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media khas perkem-

bang terkini koronavirus di sini semalam.

Dr Dzulkefly berkata, KKM turut melakukan pemantauan terhadap keluarga terdekat mangsa dan akan diletakkan dalam keadaan *home surveillance* dalam tempoh 14 hari.

Dalam pada itu beliau berkata, kes terbaru turut membabitkan lelaki warga China berusia 63 tahun yang berasal dari Wuhan, China dan tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) pada 18 Januari lalu.

"Warga emas itu mula mengalami demam ringan pada 23 Januari lalu. Mangsa telah mendapatkan

rawatan sebagai pesakit luar di sebuah hospital swasta di Kuala Lumpur. Kes telah dimaklumkan kepada KKM dan dia diletakkan di bawah Perintah Pengawasan dan Pernatutan untuk tempoh 14 hari.

"Pada 2 Februari, demamnya masih berterusan dan beliau telah dimasukkan ke HKL bagi menerima rawatan lanjut. Ujian makmal positif 2019-nCoV (koronavirus) semalam. Pesakit kini berada dalam wad isolasi dan dalam keadaan stabil," katanya.

Setakat kelmarin, KKM melaporkan tiada pertambahan kes positif koronavirus dikesan di Malaysia dalam tempoh lebih tiga minggu.

Semua kes positif sebelum ini membabitkan warganegara China, masing-masing tiga kes disyaki (PUT) dan lima individu dalam kalangan kontak rapat.

Jumlah terkumpul kes PUT bagi koronavirus sebanyak 192 orang iaitu 105 rakyat tempatan, China (82 orang) dan masing-masing satu warga Australia, Korea, Jordan, Brazil dan Thailand.

Dalam perkembangan berikut, Dr Dzulkefly berkata, status 34 rakyat Malaysia yang masih berada di Wuhan belum dapat dipastikan.

"Kita pun tidak menjangka masalah logistik akan menjadi halangan misi membawa pulang rakyat kita di sana. Ia di luar kemampuan KKM. Saya yakin itu akan ditangani Kementerian Luar dan akan dibawa ke Kabinet," katanya.

## Kes pertama koronavirus melibatkan rakyat Malaysia



**AKHBAR : SINAR HARIAN**  
**MUKA SURAT : 26**  
**RUANGAN : SKOP**

# N95 atau topeng pembedahan?

## ANEKDOT

### KAEDAH pemakaian topeng muka dengan betul:

1. Sebaiknya, cuci tangan terlebih dulu dengan air dan sabun atau pensanitasi tangan.
2. Pastikan topeng muka yang ingin dipakai dalam keadaan baik dan tidak terdapat sebarang koyakan atau kebocoran.
3. Pastikan kedudukan topeng dalam keadaan betul. Sisi yang mengandungi jalur besi halus perlu berada di bahagian atas bagi menutup atas hidung dengan kemas apabila dibengkokkan.
4. Sisi yang berwarna perlu berada di bahagian luar, manakala sisi yang berwarna putih pula di bahagian dalam.
5. Sangkutkan pada telinga jika ia adalah topeng jenis sangkutan pada telinga manakala ikat pada belakang kepala jika ia adalah topeng jenis ikatan.
6. Bentukkan jalur besi topeng yang berada pada bahagian atas hidung mengikut bentuk hidung.
7. Tarik bahagian bawah topeng muka ke bawah bagi menutup mulut dan dagu.
8. Gunakan topeng muka hanya untuk sekali penggunaan sahaja. Buang setelah digunakan.



## Jangan keliru pilih topeng muka paling selamat lindungi diri daripada koronavirus

Oleh MUHAMMAD WA'IZ  
Foto UNSPLASH & FREEPIK

**B**ARU-BARU ini, dunia digemparkan dengan satu berita yang sangat menggerunkan mengenai kesihatan laiu wabak koronavirus. Ramai individu memikirkan langkah persediaan kesihatan yang perlu diambil,

antaranya dengan menggunakan pensanitasi tangan dan memakai topeng muka tatkala di tempat awam.

Persoalan timbul, adakah topeng muka biasa atau topeng pembedahan yang biasa digunakan berkesan untuk mengelak virus?

Berdasarkan perkongsian heliodoktor.com, sekitar tahun 2002 dan 2003, wabak sindrom pernafasan akut yang teruk atau SARS telah melanda dunia bermula di negara China.

Wabak tersebut disebabkan oleh sejenis koronavirus juga sama seperti novel koronavirus (2019-nCoV) dari Wuhan. Namun, saiz SARS koronavirus itu hanya sebesar 100 nanometer.

Virus flu pula bersaiz antara 80 hingga 120 nanometer. Walaupun saiz koronavirus dari Wuhan itu tidak lagi diketahui, saiz koronavirus manusia biasanya adalah sebesar 125 nanometer.

Kesemua jenis virus tersebut sangat kecil dan boleh melepas halangan seperti topeng pembedahan.

Topeng muka pembedahan mungkin dapat melindungi daripada titisan pernafasan yang besar seperti cecair akibat bersin atau kahak akibat batuk, namun ia tidak memberikan perlindungan terhadap titisan kecil dalam udara.

Menurut Pusat Kawalan dan Pencegahan Penyakit (CDC), topeng pembedahan tidak dianggap sebagai satu perlindungan terhadap pernafasan memandangkan ia tidak menapis partikel dalam udara yang lebih kecil.

Oleh itu, ia sememangnya tidak berkesan. Tambahan, topeng pembedahan hanya boleh dipakai sekali guna sahaja.


Pemakaian topeng N95 pula bergantung kepada individu ahli perubatan yang terlibat dengan tugas mengendalikan pesakit yang dijangkiti. CDC menggalakkan pekerja kesihatan seperti doktor memakai topeng muka jenis itu sekiranya mereka terlibat dengan pesakit yang dijangkiti koronavirus.

Bagaimanapun, topeng muka jenis terbaik bukanlah sejenis alat yang benar-benar kebal daripada serangan koronavirus.

Dalam pada itu, topeng muka tersebut diberi nama 'N95' kerana ia akan memberikan perlindungan sebanyak 95 peratus kepada si pemakai dan boleh menapis partikel halus sehingga saiz 0.3 mikron.

Pun demikian, topeng muka itu tidak sesuai digunakan oleh kanak-kanak dan individu yang memiliki bulu pada wajah.

Lihat perbezaan antara kedua-dua jenis topeng muka melalui jadual di bawah ini



KESEDARAN orang ramai mula timbul apabila memilih untuk memakai topeng muka ketika berada di tempat awam.

Topeng pembedahan	VS	Topeng N95
Disahkan oleh U.S. Food and Drug Administration (FDA)	Ujian dan kelulusan	Dinilai, diujji dan dituliskan oleh NIOSH U.S.
Lindungi tubuh daripada dimasuki titisan besar atau cecair berbahaya. Elak menyebarkan kuman kepada individu lain	Kegunaan	Kurangkan pendekahan kepada partikel halus yang berada dalam udara.
Longgar	Fitting	Ketat
Kurang perlindungan terhadap partikel udara yang lebih kecil	Penapisan	Menapis sekurang-kurangnya 95 peratus partikel udara termasuklah partikel yang kecil dan besar.
Kebocoran akan berlaku di sekitar hujung topeng apabila pemakalnya menghirup udara	Kebocoran	Jika dipakai dengan fitting yang betul, hanya berlaku kebocoran yang kecil di sekitar hujung topeng.
